

جواب ليم سوءالن سهاج

- [2 مرکه] کجادين بولن اداله ساتو بوقتي ککواساءن الله. 1
- (a) پاتاکن دوا بوقتي ککواساءن الله سلاءين کجادين بولن.
- [4 مرکه] جلسکن دوا کفتتيغن بولن کقد ماءنسي. (b)
- (c) جلسکن فنداقت أهل السنة والجماعة دالم فرکارا برايکوت:
- (i) قضاء دان قدر
- (ii) القرءان
- (iii) اورغ يغ ملاکوکن دوسا بسر.
- [6 مرکه]

Akidah dan pemikiran Islam abad ke -21

Umat Islam hari ini juga wajar menyedari bahawa kemelut agama, pemikiran dan ideologi yang sedang mereka hadapi bukanlah suatu perkara asing jika mereka mengetahui sejarah perkembangan pemikiran dalam peradaban Islam. Kemunculan pelbagai bentuk faham agama dan aliran pemikiran yang bersifat melampau pernah wujud dalam kehidupan masyarakat umat Islam terdahulu dan sebagai jawapan terhadap kemelut kepelbagaian pemikiran tersebut, muncul pula golongan sarjana yang berusaha menangani kemelut tersebut agar pemikiran dan kehidupan umat Islam sentiasa berada di atas landasan akidah dan pemikiran Islam yang betul selari dengan semangat dan roh agama Islam itu sendiri.

Para sarjana Islam sentiasa akhirnya melihat kemelut-kemelut pemikiran yang menyentuh persoalan akidah umat mestilah ditanggapi dengan kembali kepada pendekatan ilmiah iaitu dengan melestarikan antara peranan akal dan wahyu. Dan dalam konteks ini, disiplin ilmu yang paling dikenali menggarap persoalan ini ialah ilmu kalam.

Ilmu kalam atau nama lainnya ilmu usuluddin atau ilmu tauhid adalah disiplin ilmu Islam yang mempunyai sejarah dan tradisi yang panjang lagi kaya dalam membina akidah dan pemikiran umat Islam dalam menangani pelbagai bentuk aliran-aliran agama, pemikiran dan ideologi. Dalam tradisi keilmuan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang didokongi hampir 90 peratus umat Islam di seluruh dunia, ilmu kalam terbukti berjaya mewariskan kesinambungan faham akidah dan pemikiran Islam yang ilmiah, rasional dan sistematik yang memanasifestasikan ciri-ciri wasatiyyah, keharmonian, perpaduan dan kemajuan yang berjaya mencipta Peradaban Islam yang disegani untuk

berabad-abad lamanya.

Sumber: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/akidah-dan-pemikiran-islam-abad-ke-21>

(d) برداسرکن ارتیکل ، هورایکن دوا قرانن علماء علمو کلام دالم

[4 مرکه]

مقرتاهنکن عقیده اومت اسلام .

(e) فرمان الله ﷻ:

يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ

(سورة الفتح: اية 10)

برداسرکن اية دأتس ترعکن فنداقت علماء دالم مهمي نص متشابهات:

(i) علماء سلف

[4 مرکه]

(ii) علماء خلف

[2 مرکه]

2 (a) (i) پاتاکن مقصود القياس .

(ii) ترعکن ساتو چونتوه مساله یغ دتتکن حکومث مالوئی قیاس دان

[4 مرکه]

تنتوکن ستیاف رو کونث

[4 مرکه]

(b) جلسکن دوا بهاکین سد الذرائع بسرتا چونتوه .

(c) احمد مندعوی علی برهوتغ دغنن سبايق RM 100.00 تنفا سبارغ بوقتي .

ماناکالا علی قولاً تیدق مگاکوي دعواءن ایت .

برداسرکن سیتواسي دأتس ، ترعکن حکوم هوتغ انتارا احمد دان علی

[6 مرکه]

دغن معاءیتکن قاعدة أصول الفقه .

فرمان الله ﷻ: وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِن نِّسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّن قَبْلِ أَن يَتَمَاسَا.. (سورة المجادلة: 3) (i) (d)

فرمان الله تعالى: " وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَاً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ.. (سورة النساء: 92) (ii)

[4 مرکه]

هورايکن لفظ مطلق دان مقيد برداسرکن دليل دأتس.



﴿ وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا
 وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا ﴾ ﴿٦﴾ وَابْتَلُوا الَّتِي تَمَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ
 فَإِنَّ أَنْتُمْ مِّنْهُمْ رُّشَدًا فَأَدْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ ۗ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ
 يَكْبَرُوا ۗ وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۗ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ۗ فَإِذَا
 دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ ۗ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

(سورة النساء اية 5-6)

(a) پاتاکن مقصود "السفهاء" سلاءین انق یتیم درقده هوراین ایه دأتس. [2 مرکه]

(b) ترغکن چارا علماء معیستنباطکن حکوم حرام مپرهکن هرتا کفد انق

یتیم سلوم دیواسا. [4 مرکه]

(c) جلسکن تیک کلبیهن معوروس هرتا انق یتیم. [6 مرکه]

(d) (i) انجیق علی مروفاکن سآورغ ساودا کر یغ کای. بلیاو تله معکوناکن هرتا
 انق یتیم اونتوق ککوناکن دیرین.

[4 مرکه] ترغکن حکوم سیتواسی دأتس منوروت فندغن اسلام.


(e) ترغکن فنداقت علماء معنای سبب هرتا ترسبوت دسندرکن کفد

[4 مرکه] فنجاک ملالوئی لفظ "اموالکم"

4 سبدا رسول الله :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى أَثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا فَلْيَطْرَحِ الشُّكَّ وَلْيَتَوَكَّلْ عَلَى مَا اسْتَبَقَنَ ثُمَّ يَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ فَإِنْ كَانَ صَلَّى خَمْسًا شَفَعَنَ لَهُ صَلَاتُهُ وَإِنْ كَانَ صَلَّى إِتْمَامًا لِأَرْبَعٍ كَانَتْ تَرْغِيمًا لِلشَّيْطَانِ.
(رواه المسلم)

- (a) افاكه مقصود شك دالم صلاة؟ [2 مرکه]
- (b) ترغکن چارا علماء مغيستنباط حکوم درقد حديث دأتس. [4 مرکه]
- (c) هورايکن تيگ فريبداءن دانتارا سجود سهوي دغن سجود تلاوة. [6 مرکه]



- (d) کمبر دأتس منونجوکن شک یغ برلاکو دالم روکون قولی، ترغکن فیلساین باکی مسائله ترسبوت. [4 مرکه]

فرمان الله ﷻ:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

Maksudnya: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang).*
(Surah al-'A'raf: 31)

(e)

کمو کاکن دوا حجه اندا باکایمانا فاکاین یغ برسیه داقت منجاک
کسمقورنائن صلاة.

[4 مرکه]

[

[2 مرکه]

(i) (a) 5 افاکه مقصود نیابة دالم عبادة حج؟

[4 مرکه]

(ii) جلسکن دوا شرط نیابة دالم عبادة حج.

منجا دیکن سسواتو بارغ یغ برهرکا سباکای سندن باکی هوتغ یغ
بولیه دبایر دغثن افایبلا هوتغ ایت تیدق داقت دبایر.

[2 مرکه]

(i) افاکه جنیس معامله یغ برکأیتن دغثن کپاتأن دأتس؟

[4 مرکه]

(ii) (b) جلسکن دوا حکمة کهاروسن معامله ترسبوت.

Amir berkata, segala fitnah yang dilemparkan isteri terhadapnya di media sosial dan media cetak sememangnya tidak benar dan dia mempunyai bukti yang kukuh terhadap tuduhan tidak berasas itu. "Bukti ini merangkumi hal nafkah, pendapatan, rumah kelamin, harta peribadi dan harta sepencarian. Perceraian ini berlaku akibat daripada isteri saya yang sudah nusyuz dan derhaka terhadap saya. "Dia sudah lama memutuskan perhubungan dengan saya sama ada secara langsung atau melalui telefon bimbit. Setiap kali saya pulang ke rumah, dia akan keluar dari rumah kami dan tidak pulang selagi saya berada di rumah itu," katanya. Menurutnya lagi, isterinya itu sudah hampir setahun tidak memaklumkan atau meminta keizinannya untuk melakukan apa-apa atau pergi ke mana-mana.

[4 مرکه]

(c) افاکه لئکه ۲ یغ سفاتوتن دلاکوکن اولیه امیر ترهادف استرین یغ نشوز

ستله کاکل منصبحتین دغثن چارا یغ بائیق سلاین برچرای؟

[4 مرکه] عملن برقولیکامي داقت مغورثکن مسائله سوسیال سفرتي زنا دالم مشارکت.

(d) جلسکن دوا حجه اندا باکي مپوکوغ قرپاتان دأتس.

[2 مرکه] (i) (a) 6 یاتاکن دوا رحمة یغ دباوا اولیه اسلام.

[4 مرکه] (ii) ترثکن دوا رحمة عبادة.

(b) انتارا فرینسیف فراوندغن اسلام اداله العدالة.

[4 مرکه] ترثکن دوا لاکي فرینسیف ترسبوت.

(c) طواف مروفاکن ساله ساتو روکون عبادة حج.

[4 مرکه] جلسکن دوا جنیس طواف یغ بولیه دلاکوکن اولیه جماعة حج.

PAKEJ A	PAKEJ B
LEMBAGA TABUNG HAJI	KEMBARA TRAVEL
Mutawwif berpengalaman	Mutawwif sentiasa bersama jemaah
Harga RM10,197.00.	Harga RM 22,000.00
Jarak hotel dengan Masjidil Haram (sekitar 700m ke 1 km)	Jarak hotel dengan Masjidil Haram (sekitar 400m ke 700m)
Jarak hotel dengan Masjidil Nabawi (sekitar 50m ke 250 m)	Jarak hotel dengan Masjidil Nabawi (sekitar 50 ke 250m)
Pengangkutan percuma untuk umrah disediakan sekali sahaja	Pengangkutan percuma untuk umrah disediakan 3 kali

برداسرکن جدول دأتس،

[6 مرکه] فیلیه ساتو فاکیج دان کموکاکن حجه اونتوق مپوکوغ فیلیهن اندا.



کرتس سوالن تمت